

29 MAR 2002

MAHATHIR : BIAR MAHKAMAH TENTUKAN PERMOHONAN TAJUDIN

SHAH ALAM, 29 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terpulang kepada mahkamah untuk membuat keputusan permohonan injunksi Pengerusi Eksekutif Technology Resources Industries Bhd (TRI) Tan Sri Tajudin Ramli terhadap Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta).

"Ia telah ke mahkamah dan terpulang kepada mahkamah untuk menentukannya," katanya pada sidang media selepas merasmikan konvensyen Barisan Nasional (BN) Selangor di Kompleks Belia dan Sukan di sini hari ini.

Beliau berkata di Malaysia semua orang mematuhi undang-undang.

"Apabila ianya melibatkan undang-undang, ianya terpulang kepada mahkamah untuk membuat keputusan," katanya.

Mahkamah Tinggi di sini akan membuat keputusan hari ini mengenai permohonan Tajudin untuk menghalang Danaharta daripada menjual sahamnya dalam TRI yang dicagarkan bagi memperolehi pinjaman bernilai kira-kira RM1.0 bilion.

Tajudin dilaporkan menguasai 24 peratus ekuiti TRI secara langsung dan tidak langsung, termasuk saham-saham yang dimilikinya melalui pegangannya 47 peratus dalam Naluri Bhd dan Arah Murni Sdn Bhd.

TRI dikatakan dibebani hutang lebih RM2 bilion dan dalam proses penyusunan semula.

-- BERNAMA

MAD SHO FR NHD